

Latihan Objektif

1. Jadual berikut berkaitan dengan pelaksanaan Sistem Kesukuan di Sarawak.

Masyarakat	Ketua Masyarakat
Iban	Tuai Rumah
Kenyah	Peran Lepo
Melanau	Menteri

Apakah persamaan ketua masyarakat tersebut?

- A. Memajukan pertanian
- B. Menjamin keharmonian
- C. Mengubal undang-undang
- D. Menggalakkan perdagangan

2. Mengapakah berlakunya penentangan Datu Patinggi Ali terhadap wakil Kesultanan Brunei di Sarawak pada tahun 1837?

- I. Pelaksanaan kerahan tenaga
- II. Pengamalan cukai yang tinggi
- III. Pencerobohan kawasan pertanian
- IV. Perebutan kawasan perlombongan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

3. Sistem Keadatuan merupakan sistem pemerintahan tradisi masyarakat Melayu Sarawak. Pusat pemerintahannya terletak di
- A Sekitar Sungai Sarawak
 - B Sekitar Sungai Rajang
 - C Sekitar Sungai Kuching
 - D Sekitar Sungai Batang Lupar

4. Dalam sistem pemerintahan Sistem Kesukuan Sarawak ketua masyarakat Kenyah dikenali sebagai
- A Tua Kapung
 - B Tuai Rumah
 - C Kelunan Maren
 - D Peran Lepo

5. Di negeri Sarawak telah terdapat beberapa kerajaan Melayu seperti
- I Bidayuh
 - II Kalaka
 - III Sewaku
 - IV Melanau
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

6. Siapakah yang mengetuai pentadbiran peringkat kampung dalam Sistem Kesukuan di Sabah?
- A Datu
 - B Penghulu
 - C Orang Tua
 - D Tuai Rumah

Latihan Subjektif

7. Nyatakan kesan pengaruh Brunei dalam sistem pentadbiran di Sarawak?

Latihan Objektif

8. Mengapakah Sultan Brunei menghantar Pengiran Raja Muda Hashim ke Sarawak?

- A. Mengawal kegiatan lanun
- B. Melindungi pedagang asing
- C. Mencari kawasan pertanian
- D. Menamatkan kebangkitan penduduk

9. Mengapakah James Brooke bersetuju membantu Pangeran Raja Muda Hasyim untuk menamatkan kebangkitan penduduk Sarawak?

- A Mendapatkan kawasan perdagangan
- B Membalas budi pembesar tempatan
- C Membuktikan kekuatan tentera
- D Menghapuskan ancaman lanun

10. Mengapakah Datu Patinggi Ali menentang Pengiran Indera Mahkota?

Latihan Objektif

11. Mengapakah James Brooke bersetuju membantu Pangeran Raja Muda Hasyim untuk menamatkan kebangkitan penduduk Sarawak?

- A. Mendapatkan kawasan perdagangan
- B. Membalas budi pembesar tempatan
- C. Membuktikan kekuatan tentera
- D. Menghapuskan ancaman lanun

12. Maklumat berikut menunjukkan James Brooke menggunakan kekuatan tentera untuk mengukuhkan kuasa.

- ☐ Bantuan tentera laut British
 - ☐ Menggunakan kapal perang HMS Dido

Apakah alasan James Brooke untuk menggunakan asset tentera tersebut?

- A. Memerangi lanun
- B. Mengukuhkan pertahanan
- C. Menghapuskan perang saudara
- D. Menyelesaikan isu pembunuhan

Latihan Objektif

13. Peristiwa berikut berkaitan dengan tindakan James Brooke di Brunei

Tahun	Peristiwa
1842	James Brooke menghadap Sultan Omar Ali Saifuddin di Brunei

Apakah tujuan James Brooke berbuat demikian?

- A. Menjalinkan hubungan persahabatan
- B. Menawarkan bantuan ketenteraan
- C. Mengesahkan pertapakannya di Sarawak
- D. Memohon kebenarannya berdagang di Sarawak

14. Maklumat berikut merujuk kepada tindakan Sultan Abdul Mumin ke atas Sarawak

Sultan Abdul Mumin menyerahkan Rajang kepada Brooke

Mengapakah baginda berbuat demikian?

- A. Kekurangan sumber ekonomi
- B. Kebangkitan orang tempatan
- C. Masalah kewangan
- D. Perebutan takhta

Latihan Subjektif

15. Namakan raja-raja Brooke yang menjalankan peluasan kuasa.

i.

ii.

16. Adakah anda bersetuju peluasan kuasa keluarga Brooke adalah secara kekerasan.

Latihan Objektif

17. Apakah ciri persamaan tokoh berikut?

- ☐ Charles Lee Moses
- ☐ J.W. Torrey
- ☐ Edward Dent

- A. Gabenor SBUB
- B. Memajak Sabah
- C. Menghapuskan lanun
- D. Anggota Majlis Penasihat

18. Apakah syarat penganugerahan Piagam Diraja kepada SBUB?

- I. Memerintah dengan adil
- II. Memelihara kedaulatan Sabah
- III. Mengiktiraf pentadbiran tradisional
- IV. Menggalakkan kemasukan pelabur asing

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19. Sebelum pertapakan dan peluasan kuasa SBUB di Sabah, dua kawasan telah pun dimiliki oleh British iaitu

- I Pulau Labuan
- II Pulau Bum-bum
- III Pulau Batu Sapi
- IV Pulau Balambangan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

21. Apakah kepentingan piagam Diraja yang dianugerahkan oleh kerajaan British kepada Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah?

- A Menubuhkan kerajaan
- B Menjamin keselamatan
- C Mendapat kuasa mentadbir
- D Menambah modal perniagaan

20. Siapakah tokoh yang menyewa Sabah daripada Sultan Brunei pada tahun 1865 selama 10 tahun?

- A W.H. Treacher
- B T.B. Harris
- C J.W. Torrey
- D Charles Lee Moses

Latihan Subjektif

22. Jelaskan tindakan yang dilakukan oleh tokoh-tokoh berikut dalam sejarah Sabah

- i. Charles Lee Moses
- ii. Alfred dan Edward Dent

23. Kedudukan Strategik Sabah telah menarik perhatian pemodal asing.
Nyatakan keistimewaan kedudukan strategik Sabah tersebut.

Latihan Objektif

24. Senarai berikut merupakan pembesar tempatan yang menganggotai Majlis Tertinggi Sarawak di bawah pentadbiran James Brooke

- Datu Bandar
- Datu Patinggi
- Datu Temenggung

Mengapakah orang tempatan masih dilibatkan dalam pentadbiran Brooke?

- A. Dasar terbuka James Brooke
- B. Desakan pemimpin tempatan
- C. Menjimatkan perbelanjaan
- D. Kekurangan pegawai Eropah

25. Selain dilantik menjadi hakim di Mahkamah Anak Negeri, Ketua Anak Negeri juga bertugas

- I. Menyelesaikan kes harta pusaka
- II. Menguruskan pentadbiran negeri
- III. Menjaga keamanan daerah
- IV. Memungut cukai

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

26. Raja Brooke mengetuai pentadbiran di Sarawak yang dibantu oleh Majlis Tertinggi dan Majlis Negeri. Pentadbiran di setiap bahagian ialah
- A Residen
 - B Gabenor
 - C Residen Kounselor
 - D Residen Jeneral

27. Siapakah yang bertanggungjawab kepada lembaga pengarah syarikat SBUB di London?
- A Residen
 - B Gabenor
 - C Ketua Anak Negeri
 - D Residen Kounselor